

| | | | |
|------------|--|-------------|---------------------|
| Headline | Pantai Pulau Carey jadi tumpuan sukarelawan ASEP | | |
| MediaTitle | Berita Harian | | |
| Date | 31 Jan 2019 | Color | Full Color |
| Section | Varsiti | Circulation | 69,985 |
| Page No | V40 | Readership | 209,955 |
| Language | Malay | ArticleSize | 488 cm ² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 16,822 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 50,465 |



Pantai Pulau Carey jadi tumpuan sukarelawan ASEP

Kuala Langat: Seramai 72 mahasiswa dari sembilan negara berpeluang memupuk rasa cinta terhadap alam sekitar apabila bergembleng tenaga membersihkan kawasan persisiran pantai menerusi program Platform Alam Sekitar Pelajar Asia (ASEP) di Pulau Carey, di sini, baru-baru ini.

Penyelaras program, Dr Fathiah Mohamed Zuki, berkata objektif penganjuran ASEP bukan sahaja untuk memupuk nilai sayang akan alam sekitar, malah meningkatkan sikap kerjasama antara peserta dan mengasah kemahiran menyelesaikan masalah dengan baik.

Ini kerana katanya, mereka perlu melakukan kerja pembersihan secara berkumpulan dan mengasingkan sampah yang dipungut kepada beberapa kategori iaitu plastik, kaca serta bahan bukan kitar semula.

"Semua sukarelawan dilihat saling membantu membersihkan kawasan terbabit ketika air surut dengan mengutip pelbagai jenis sampah yang dihanyutkan ombak dan aliran sungai seperti tayar kenderaan, pembalut makanan, bekas serta botol plastik.

"Oleh itu, kami yakin apabila peserta pulang ke negara masing-masing, mereka akan menjadi pencinta alam sekitar dan menjaga kawasan sekitar di tempat mereka dengan baik," katanya.

Lestari alam

ASEP dijayakan dengan kerjasama Universiti Malaya (UM) dan Yayasan Alam Sekitar AEON Jepun membabitkan mahasiswa dari China, Thailand, Jepun, Vietnam,



Peserta bertungkus lumus membersihkan persisiran pantai Pulau Carey.

Korea, Kemboja, Indonesia, Myanmar dan Malaysia.

Pada masa sama, Fathiah berkata, ASEP turut mengetengahkan pelbagai isu hutan hujan tropika untuk memberi kesedaran supaya peserta dapat memainkan peranan menjaganya dengan baik.

Katanya, kesedaran yang timbul membolehkan peserta melakukan langkah awal untuk menjamin kelestarian alam sekitar agar dapat dinikmati generasi akan datang.

Selain itu, pelajar juga berpeluang mendekati penduduk sekitar dengan menyantuni warisan budaya Orang Asli Mah Meri menerusi beberapa aktiviti menarik.

"Aktiviti itu termasuklah mendalami pengurusan hutan simpan di Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Kepong dan usaha konservasi hutan paya bakau oleh penduduk tempatan

di Taman Rekreasi Paya Bakau, Kampung Sijangkang, di sini.

"Inisiatif ini diharap mencapai objektif yang ditetapkan dan usaha sebegini wajar diteruskan dengan lebih kerap agar dapat melahirkan generasi muda yang cinta akan alam sekitar untuk manfaat bersama," katanya.

info

ASEP

- Bermula sejak 2012
- Diadakan setiap tahun secara bergilir di beberapa negara Asia
- Mahasiswa berinteraksi dan menimba pengalaman mengenai aspek pengurusan alam sekitar



62 peserta bergambar kenangan di Pulau Carey.